

# **SIMPOSIUM PEGAWAI KEHORMAT PSSTUDM BERSAMA PANGLIMA TENTERA UDARA**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2193-simposium-pegawai-kehormat-psstudm-bersama-panglima-tentera-udara](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2193-simposium-pegawai-kehormat-psstudm-bersama-panglima-tentera-udara)

KUALA LUMPUR, 4 Ogos 17 – Simposium Pegawai Kehormat PSSTUDM bersama Panglima Tentera Udara telah diadakan di Wisma Perwira ATM yang melibatkan Pegawai Kanan TUDM dan Pegawai Kehormat PSSTUDM.

Simposium ini telah menghimpunkan Pegawai Kehormat PSSTUDM bersama-sama barisan kepimpinan Pegawai Kanan TUDM untuk berkongsi perkembangan terkini di dalam TUDM dan bertukar-tukar buah fikiran daripada kedua belah pihak.

Simposium ini telah dihadiri oleh Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM dan Pegawai-pegawai Kanan TUDM.

Manakala daripada peringkat Pegawai Kehormat PSSTUDM turut dihadiri oleh DYAM Raja DiHilir Perak, Brig Jen (Kehormat) Raja Tan Sri Dato' Seri Iskandar Dzulkarnain Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah PSSTUDM, Kol (Kehormat) Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa bin Ishak PSSTUDM dan Pegawai-pegawai Kehormat PSSTUDM daripada Universiti Awam.

Dalam simposium tersebut, DYAM Raja DiHilir Perak dan Panglima Tentera Udara telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat bagi Pegawai Kehormat PSSTUDM kepada 2 ahli akademik daripada Universiti Awam.

Prof Dato' Dr Rosli bin Mohd Yunos, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah dianugerahkan pangkat Lt Kol (Kehormat) PSSTUDM sebagai Penaung PALAPES Udara UMP.

Prof Madya Dr Wan Azlan bin Wan Zainal Abidin, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah dianugerahkan pangkat Mej



(Kehormat) PSSTUDM sebagai Penaung PALAPES Udara UNIMAS.



